



**KETUA PENGARAH PERIKANAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI
MAKANAN**

*Director General Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Industries*
**ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA**

No. Telefon: 03-8870 4021

No. Faks: 03-8888 9972

Laman web: <https://www.dof.gov.my>

HEBAHAN MEDIA

HARI TERBUKA JABATAN PERIKANAN NEGERI SEMBILAN 2022

- 1) Pada tahun 2021, sektor perikanan **telah mencatatkan pengeluaran sebanyak 1.75 juta tan metrik dengan nilai RM14.8 bilion** dimana **subsektor akuakultur meliputi 24% dari pengeluaran ikan negara**. Sektor akuakultur ini dilihat memainkan peranan penting dalam tiga aspek, iaitu sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara.
- 2) Pejabat Perikanan Negeri Sembilan membentangkan **Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) Negeri Sembilan yang akan mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2023**. Ia merupakan suatu undang-undang bagi mengawalselia aktiviti akuakultur melalui kaedah perlesenan terhadap pengurusan ladang, ternakan, benih, pemberian makan, kawalan biosekuriti, pelepasan efluent kearah jaminan bekalan makanan yang lebih selamat dan baik.
- 3) Jabatan Perikanan Malaysia juga mensasarkan sektor akuakultur di Negeri Sembilan ini seramai 20 orang pengusaha akan menerima Sijil myGAP pada tahun depan.
- 4) **Menjelang tahun 2030** kerajaan menyasarkan **sumbangan di dalam sektor ini sebanyak 40% kepada keseluruhan pengeluaran perikanan Malaysia iaitu sebanyak 2.55 juta tan metrik**. Oleh yang demikian, pembangunan akuakultur dilihat amat berpotensi untuk dimajukan secara komersial bagi meningkatkan pengeluaran dan menjamin bekalan ikan dalam negara selain ikan sumber laut.

- 5) Di Negeri Sembilan, **akuakultur** merupakan penyumbang terbesar pengeluaran perikanan negeri iaitu meliputi **90.45% (5,944.98 M.T)** pengeluaran ikan secara keseluruhan dengan anggaran nilai **RM 69 juta bagi tahun 2021** melibatkan seramai **431 pengusaha akuakultur berdaftar**. Selain itu, seramai **424 orang nelayan laut** dengan **bilangan vesel sebanyak 325** buah serta **9 orang nelayan sungai** dengan purata pendaratan ikan sekitar **650 - 700 tan metrik setahun**.
- 6) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah mengambil inisiatif membantu pengusaha untuk bangun semula melalui **Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA)** dengan memperuntukan sebanyak **RM 1,270,208.00** kepada **90 orang penternak akuakultur dan 20 orang nelayan sungai di Negeri Sembilan**. Melalui bantuan ini, pengusaha dapat membangunkan semula projek dan membaik pulih harta benda yang musnah akibat bencana tersebut.
- 7) Sebagai usaha yang berterusan, selain menyantuni golongan sasaran yang terkesan serta memperhebat aktiviti pegawai barisan hadapan Jabatan dalam memberikan khidmat nasihat teknikal, DOF juga komited dalam mempelbagaikan aktiviti sosial melalui agen-agen pengembangan menerusi kempen **“Jom Makan Ikan Air Tawar”**. Kempen ini tidak lain adalah bertujuan meningkatkan perspektif awam terhadap pengambilan ikan air tawar sebagai sumber protein melalui my Agropreneur Perikanan (myAP), inovasi dan pembangunan produk serta projek berkelompok menerusi myKomuniti Perikanan (myKP).
- 8) Berpegang kepada prinsip **“melentur buluh biarlah dari rebungunya”**, DOF juga melihat perlunya pemahaman dan sokongan yang jelas dari **golongan anak muda** terhadap kepentingan pemeliharaan spesies ikan

asli dan biodiversiti dengan penglibatan dalam aktiviti pelepasan benih-benih ikan asli ke perairan sungai seperti benih kelah, lampam sungai, jelawat, temoleh, terbul, patin, udang galah dan sebagainya serta pemeliharaan biodiversiti habitat asal terhadap spesies-spesies ikan laga liar (*wild betta*). Pada tahun 2021 sebanyak **389, 560 ekor benih ikan asli** pelbagai spesies telah dilepaskan ke perairan umum Negeri Sembilan bagi meningkatkan sumber perikanan semulajadi.

- 9) DOF mempergiatkan industri ikan hiasan dan tumbuhan akuatik dengan mempelbagaikan program seperti kursus dan pertandingan *aquascape*. Bidang ini mempunyai peminat tersendiri terutamanya di kalangan pelajar sekolah dan pencinta tumbuhan hiasan sebagai hobi yang memberikan pendapatan sampingan. Dikala waktu sebegini, program seperti ini dilihat mampu memberi “nilai tambah” dalam meningkatkan pendapatan perkapita isi rumah. Malah kita juga dapat meningkatkan pengeluaran ikan dan tumbuhan hiasan.
- 10) Program seperti ini perlu diteruskan di masa akan datang bagi memperkukuh hubungan silaturrahim antara Jabatan dengan masyarakat, disamping menyampaikan maklumat terkini berkaitan dasar dan perkhidmatan Jabatan kepada pemegang taruh, pelanggan dan rakan strategik.
- 11) Semua pihak perlu memberi sokongan padu kepada projek pembangunan dan usaha yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam memartabatkan industri perikanan negara.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya
14 November 2022 (Isnin)

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel: 017-794 7799 (Mohd Nizam : Ketua Unit)

012-664 9570 (Nur Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my